



LIU (enam kiri), Lee (lima kiri) dan Kii Yee (empat kiri) bersama pelajar antarabangsa China yang belajar di UMS Labuan.

## Konsulat Jeneral China kunjungi pelajar di UMSKAL

UB 14. 6. 2014 B13

LABUAN : Konsulat Jeneral China di Kuching Sarawak Liu Quan telah mengadakan perjumpaan dengan pelajar antarabangsa dari China yang menuntut di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Sambil beramah mesra dengan kira-kira 159 pelajar tersebut, beliau mahu mereka belajar bersunggu-

sungguh kerana suasana dan persekitaran universiti itu sangat sesuai untuk memperolehi ilmu yang lebih tinggi.

Katanya, lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak ke China baru-baru ini telah mengukuhkan lagi hubungan baik yang telah terjalin antara kedua-dua negara sejak 40 tahun lalu.

Malah beliau berkata, pelajar China sangat bertuah kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang selamat dan komited terhadap institusi pendidikan tinggi termasuk memberi layanan yang baik terhadap pelajar antarabangsa.

“Jangan sia-siakan peluang untuk belajar di UMS Labuan ini kerana kerajaan Malaysia sangat komited dan membantu pelajar antarabangsa termasuk dari China untuk mendapatkan segulung ijazah di peringkat lebih tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perjumpaan dan ramah mesra dengan pelajar antarabangsa China di Podium D, Bangunan Menara UMS Labuan, di sini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Dr. Lee Hock Ann yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali, Presiden Dewan Perniagaan Cina

Labuan, Datuk Wong Kii Yee, Ketua Bahagian Akademik, Roslianah Opao dan Naib Presiden International Student Association(UMSIS), Tan Pei Jie.

Liu Quan turut memuji persekitaran UMSKAL yang menarik berhampiran pantai dan laut serta UMS Kota Kinabalu yang memiliki pemandangan yang cantik dan kondusif untuk belajar.

Sementara itu Dr. Lee berkata, pihak universiti sentiasa menjaga kebaikan mahasiswa termasuk pelajar antarabangsa dari China untuk membabitkan diri dengan pelbagai kegiatan akademik dan kokurikulum.

Malah katanya, pelajar antarabangsa dari China itu sentiasa berkomunikasi dengan pelajar lain yang berlainan bangsa dan agama serta budaya selaras dengan hasrat Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah untuk melahirkan graduan yang dedikasi dan cemerlang.



LIU (tengah) menyampaikan cenderamata kepada Lee diperhatikan Kii Yee (kiri).